



**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
PEKELILING MAJIKAN BIL. 3 TAHUN 2021**

**TATACARA PERMOHONAN
PROGRAM SUBSIDI UPAH 3.0 SECARA BERSASAR
SISTEM INSURANS PEKERJAAN PERKESO
OLEH MAJIKAN DI BAWAH BELANJAWAN 2021 DAN PAKEJ BANTUAN
PERLINDUNGAN EKONOMI DAN RAKYAT MALAYSIA (PERMAI)**

1. TUJUAN

Pekeling Majikan ini adalah bertujuan memaklumkan mengenai prosedur pelaksanaan Bantuan Kewangan RM600 bagi tempoh 3 bulan lanjutan bagi permohonan sedia ada dan 6 bulan bagi permohonan baharu khusus kepada sektor pelancongan dan runcit mulai 1 Januari 2021 dan bantuan kewangan selama 1 bulan khusus bagi majikan daripada semua sektor di negeri yang terlibat dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 19 Januari 2021 untuk setiap pekerja tetapi terhad kepada 500 orang pekerja sahaja di bawah Belanjawan 2021 dan Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI)

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Program Subsidi Upah (PSU) di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat 2020 (PRE2020) pada 27 Mac 2020 dan Pakej Prihatin PKS (Tambahan) pada 6 April 2020. Kerajaan memperkenalkan PSU dengan tujuan membantu majikan mengekalkan pekerja.

- 2.2. Pada 5 Jun 2020, bantuan PSU telah dilanjutkan untuk 3 bulan tambahan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA).
- 2.3. Pada 23 September 2020, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan inisiatif tambahan khas KITA PRIHATIN di mana bantuan PSU telah dilanjutkan untuk 3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada yang sedang menerima PSU dan bantuan PSU selama 6 bulan bagi semua permohonan baharu mulai Oktober 2020. Program PSU ini dikenali sebagai PSU2.0.
- 2.4. Pada 6 November 2020, Kerajaan telah mengumumkan Belanjawan 2021 di mana pelaksanaan Program Subsidi Upah dilanjutkan selama 3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada yang sedang menerima PSU dan 6 bulan bagi permohonan baharu dengan lebih bersasar, khususnya bagi sektor pelancongan dan peruncitan. Program ini dikenali sebagai PSU 3.0.
- 2.5. Pada 18 Januari 2021, Kerajaan telah mengumumkan Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) di mana liputan Program Subsidi Upah 3.0 diperluaskan kepada majikan daripada semua sektor di negeri-negeri yang terlibat dengan PKP dengan bantuan kewangan selama 1 bulan, mulai 19 Januari 2021.
- 2.6. Program ini dikhurasukan kepada pekerja yang berpendapatan di bawah RM4,000 dan majikan yang mengalami kadar penurunan sekurang - kurangnya 30% atau lebih bagi nilai jualan atau pendapatan tahun semasa berbanding dengan tahun sebelumnya.
- 2.7. Program ini juga akan memastikan majikan tidak dibenarkan untuk membuang pekerja mereka yang bergaji RM4,000 dan ke bawah dalam tempoh menerima bantuan ini. Namun, majikan yang mengurangkan waktu bekerja ataupun pengurangan gaji pekerja selepas berunding dengan pekerja dan tertakluk kepada peraturan atau peruntukan undang-undang yang berkenaan, boleh terus menyertai program ini.
- 2.8. Bantuan PSU ini diharap dapat membantu majikan dalam kelangsungan perniagaan mereka dengan menyokong aliran tunai serta mengekalkan pekerja

mereka dalam tempoh keadaan luar jangka. Langkah ini secara tidak langsung juga merupakan salah satu perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja bagi mengelakkan pengangguran dan kehilangan sumber pendapatan kesan daripada Covid-19 bagi kelangsungan kehidupan mereka dan keluarga.

3. LIPUTAN PROGRAM SUBSIDI UPAH 3.0

- 3.1. Program PSU 3.0 meliputi majikan dari perusahaan dalam sektor pelancongan dan peruncitan yang mengalami penurunan pendapatan atau jumlah jualan sebanyak 30% atau lebih bagi bulan tahun 2019 berbanding dengan bulan yang sama pada tahun 2020 atau 2021 (perubahan *year-on-year*).
- 3.2. Program ini meliputi lanjutan PSU bagi permohonan sedia ada dan permohonan baharu sebanyak RM600 sebulan selama 3 bulan tambahan bagi majikan di bawah sektor pelancongan termasuk sektor peruncitan berkuatkuasa pada 1 Januari 2021 di bawah Belanjawan 2021.
- 3.3. Program ini juga merangkumi semua sektor di negeri-negeri yang terlibat dalam tempoh pelaksanaan PKP sebanyak RM600 sebulan selama 1 bulan, berkuatkuasa pada 19 Januari 2021 di bawah PSU PERMAI.
- 3.4. Majikan yang mempunyai **pekerja yang bergaji bulanan sebanyak RM4,000 dan ke bawah serta telah berdaftar atau mencarum dengan PERKESO sebelum 1 Januari 2021** layak menyertai program ini.
- 3.5. Majikan perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM - *Companies Commission of Malaysia*) atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebelum 1 Januari 2021.
- 3.6. Bagi majikan yang mempunyai lebih daripada satu cawangan yang berdaftar di bawah satu SSM/ROB/ROC/ROS/PBT atau lain-lain pertubuhan, akan dianggap sebagai satu entiti di bawah SATU permohonan yang sama.
- 3.7. Majikan juga hendaklah telah berdaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) semasa membuat permohonan PSU 3.0.

- 3.8. Majikan yang memilih untuk menerima bantuan ini, mereka disyaratkan untuk mengekalkan pekerja mereka yang bergaji RM4,000 dan ke bawah. Majikan yang mengurangkan waktu bekerja ataupun pengurangan gaji **selepas berunding dengan pekerja**, tertakluk kepada peraturan yang berkenaan, masih layak untuk terus menyertai program ini.
- 3.9. Manakala, program ini tidak meliputi pekerja yang telah diberhentikan kerja, pekerja sektor awam dan badan berkanun, mereka yang bekerja sendiri (tidak mempunyai majikan) termasuk *freelancers*, pekerja asing, pegawai dagang dan pekerja yang telah digajikan di bawah program PenjanaKerjaya (*Hiring Incentive*).

Syarat Kelayakan Bayaran dan Tempoh Layak

- 3.10. Permohonan PSU 3.0 yang telah diluluskan oleh PERKESO layak menerima RM600 sebulan bagi setiap pekerja untuk tempoh maksimum 3 bulan lanjutan bagi permohonan sedia ada dan 6 bulan bagi permohonan baharu yang dibayar kepada majikan.
- 3.11. Permohonan lanjutan atau permohonan baharu PSU 3.0 daripada majikan di semua sektor di negeri-negeri yang terlibat dengan PKP, mulai 19 Januari 2021 adalah **layak menerima sebanyak RM600 sebulan bagi setiap pekerja bergaji RM4,000 dan ke bawah untuk tempoh maksimum 1 bulan sahaja**.
- 3.12. Majikan hendaklah membuat pengisytiharan pendapatan semasa permohonan pertama dan memaklumkan sebarang perubahan bilangan pekerja, status perniagaan, atau apa-apa yang berkaitan sekiranya ada, **selewat-lewatnya pada 15 haribulan pada bulan berkenaan**. Kegagalan majikan mengisyiharkan apa-apa perubahan akan dikenakan tindakan undang-undang dan PERKESO berhak untuk menuntut balik bayaran yang telah diterima oleh majikan atau membuat penyalarasian dengan bantuan PSU 3.0 ini.
- 3.13. Tuntutan PSU 3.0 adalah sebanyak RM600 sebulan bagi setiap pekerja dan terhad kepada 500 orang pekerja sahaja bagi setiap majikan. Dalam keadaan

di mana majikan mempunyai lebih daripada satu cawangan, akan dianggap sebagai satu entiti di bawah SATU permohonan yang sama, maka jumlah bilangan pekerja yang layak adalah berdasarkan saiz pekerja dalam semua cawangan. Sekiranya satu atau lebih cawangan daripada majikan tersebut tidak terlibat dengan negeri PKP, majikan tersebut masih layak untuk menerima bayaran PSU.

- 3.14. Majikan perlu membuat pengisyiharan PSU 3.0 bahawa telah dan akan membayar gaji pekerja yang telah dipersetujui bersama semasa permohonan pertama PSU 3.0 kepada PERKESO.
- 3.15. Majikan hendaklah membayar caruman PERKESO dan SIP seperti biasa semasa dan selepas menerima PSU 3.0 sebagaimana gaji yang telah dipersetujui bersama pekerja setiap bulan.
- 3.16. Tertakluk kepada perenggan 3.15, majikan yang sebelum ini melaksanakan langkah mengurangkan tenaga kerja atau cuti tanpa gaji atau pemotongan gaji boleh memohon untuk PSU 3.0 tertakluk kepada memenuhi syarat-syarat lain di bawah PSU/PSU 2.0.
- 3.17. Sekiranya majikan menarik diri daripada permohonan PSU 3.0 selepas permohonan diluluskan oleh PERKESO, majikan tersebut tidak layak untuk membuat permohonan semula atau mengaktifkan semula permohonan.
- 3.18. Bagi majikan yang telah membuat pembatalan atau didapati melanggar terma dan syarat yang telah ditetapkan bagi program di bawah PSU sebelum ini, majikan tersebut boleh membuat tuntutan permohonan PSU 3.0 dan akan dianggap sebagai permohonan lanjutan. Dalam keadaan ini, majikan tersebut tidak boleh menuntut bayaran bagi bulan yang telah dibatalkan.

Tatacara Permohonan

- 3.19. Majikan hendaklah mengemukakan permohonan PSU 3.0 secara *online* di Portal Program Subsidi Upah prihatin.perkeso.gov.my

- 3.20. Majikan hendaklah memuat turun **Akuan Pengisytiharan PSU 3.0** untuk dilengkapkan sebelum dimuat naik ke Portal prihatin.perkeso.gov.my berserta dokumen sokongan berikut:
- i. **Lampiran 1** senarai maklumat pekerja (terhad 500 orang pekerja sahaja) – hendaklah menggunakan format Microsoft Excel yang disediakan ([format pdf adalah tidak diterima](#))
 - ii. Maklumat Akaun Bank Majikan (muka depan sahaja)
 - iii. Salinan pengenalan pendaftaran bank panel majikan/MyCOID
 - iv. Salinan pendaftaran SSM/ROC/ROB/ROS/PBT
 - v. Akuan Pengisytihran PSU 3.0 (terpakai kepada semua saiz majikan)
- 3.21. Majikan hendaklah mengemukakan No. LHDN dan membuat pengisytiharan pendapatan semasa permohonan pertama dan membuktikan penurunan pendapatan atau jumlah jualan sebanyak 30% atau lebih bagi bulan tahun 2019 berbanding dengan bulan yang sama pada tahun 2020 atau 2021 (perubahan *year-on-year*).
- 3.22. Sekiranya majikan tidak mencukupi tempoh operasi untuk mengemukakan perubahan pendapatan atau jumlah jualan secara tahun ke tahun (*year-on-year*), majikan hendaklah membandingkan perubahan pendapatan atau jumlah jualan bagi bulan majikan mula beroperasi pada tahun berkenaan dengan bulan selepas tempoh PKP diisytharkan. Dalam keadaan ini, bulan bermula beroperasi mestilah genap satu bulan (30 hari).
- 3.23. Bagi bulan berikutnya, majikan hendaklah memaklumkan sebarang perubahan bilangan pekerja, status perniagaan, atau apa-apa yang berkaitan sekiranya ada, **selewat-lewatnya pada 15 hari bulan** pada bulan berkenaan.
- 3.24. Kegagalan majikan mengisytiharkan perubahan seperti di perenggan 3.23 atau pelanggaran majikan ke atas apa-apa syarat bagi Program PSU termasuk mengemukakan maklumat atau dokumen yang tidak benar, tidak betul atau palsu boleh dikenakan tindakan undang-undang dan PERKESO berhak untuk menuntut balik bayaran yang telah diterima oleh majikan atau membuat penyelaras dengan bantuan PSU 3.0 ini.

4. PEMAKAIAN

Permohonan PSU 3.0 boleh dibuat secara online di Portal Permohonan PSU (prihatin.perkeso.gov.my) mulai **1 Januari 2021** bagi program di bawah **Belanjawan 2021** manakala permohonan PSU 3.0 bagi program di bawah **PSU PERMAI** boleh dilakukan mulai **19 Januari 2021** dan tamat pada **30 Jun 2021**.


5. PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Pegawai Perkhidmatan Pelanggan di talian **1-300-22-8000** atau layari laman sesawang <https://www.myfuturejobs.gov.my/>.

6. TARIKH KUATKUASA

Pekeliling Majikan ini adalah berkuatkuasa mulai 19 Januari 2021, dan tertakluk kepada pindaan yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”


(DATO' SRI DR. MOHAMMED AZMAN BIN DATO' AZIZ MOHAMMED)

Ketua Eksekutif

Pertubuhan Keselamatan Sosial

Tarikh: 21 Januari 2021